



# Berita JMM



Newsletter of the Department of Museums Malaysia

BERITA JMM JILID 12/BIL.1 2012

ISSN 2231-8321



## MENARIK DI DALAM

PERASMIAN  
MUZIUM TEKSTIL NEGARA

6

PAMERAN:  
MISTERI SANG BUAYA

9

FORUM KURATOR:  
TRADISI ULUNG BUAYEH

11



# Lidah Pengarang



Saban tahun dunia permuziuman sentiasa ditampilkan dengan pelbagai isu-isu baru yang harus diberi perhatian khusus. Peringatan tersebut dilaungkan melalui pelbagai tema sambutan pada setiap tahun agar dunia permuziuman sentiasa relevan dengan keadaan semasa. "Muzium dalam dunia yang berubah"; satu tema yang sangat menarik yang diutarakan sempena sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2012 tahun ini. Tema ini merupakan suatu lontaran dan gesaan kepada penggiat-penggiat muzium supaya lebih peka dengan perubahan dan kehendak semasa. Tema

ini juga menekankan tentang peranan dan tanggung jawab sosial yang perlu digalas oleh muzium. Peranan seumpama itu menjadi kunci kekuatan serta sumbangan muzium kepada masyarakat dan negara.

Dalam mengharungi dunia teknologi yang serba canggih serta persaingan yang hebat, dunia permuziuman seharusnya perlu lebih bijak dan terbuka untuk menyesuaikan diri supaya terus diterima masyarakat. Perkhidmatan permuziuman di Malaysia juga perlu bangkit untuk menilai semula peranannya selaras dengan program 'Transformasi' yang dilaungkan kerajaan. Penilaian ini penting untuk menjamin agar muzium tidak terus terpinggir dari arus perdana. Penghayatan dan kesedaran dikalangan penggiat-penggiat muzium amat penting dalam menetapkan hala tuju muzium. Muzium harus bergerak dengan pendekatan yang lebih bijak untuk meyakinkan masyarakat mengenai kehadirannya.

Justeru dalam usaha memenuhi tuntutan tersebut, muzium harus diletakkan pada landasan yang jelas dan sistematik. Perhatian harus diberikan kepada aspek mendidik dan membudayakan masyarakat untuk menghayati tamadun dan warisan bangsa sebagai kekuatan ke arah pembentukan jati diri. Penerapan ini perlu dilaksanakan secara konsisten pada setiap peringkat terutamanya di kalangan pelajar-pelajar sekolah, institusi pengajian tinggi dan guru-guru. Sewajarnya nilai-nilai intrinsik harus dijadikan teras perkhidmatan muzium masa kini yang perlu digerakkan selari dengan pembangunan fizikal. Senario ini secara tidak langsung akan mengembalikan martabat muzium sebagai institusi yang terus relevan kepada masyarakat dan negara.

"Negara yang tanpa MUZIUM umpama Negara yang tanpa TAMADUN"

Sekian.

Mohd Azmi bin Mohd Yusof  
Pengarah  
JMM Wilayah Selatan  
Jabatan Muzium Malaysia  
Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia

## Sidang Redaksi

Penasihat  
**Dato' Ibrahim bin Ismail**

Ketua Editor  
**Wan Jamaluddin bin Wan Yusoff**

Editor  
**Mohd Azmi bin Mohd Yusof**  
**Kamarul Baharin bin A. Kasim**  
**Azmi bin Ismail**  
**Zanita binti Anuar**

Penyelaras  
**Bahagian Penyelidikan**

Reka bentuk dan Reka Letak  
**CiME Advertising**

Fotografi  
**Sumber Media**

Edaran  
**Unit Perpustakaan**

Diterbitkan Oleh  
**Jabatan Muzium Malaysia,**  
Jalan Damansara,  
50566 Kuala Lumpur  
Tel: (+603) 2267-1000 (+603) 2282-6255  
Faks: (+603) 2282-6434  
<http://www.jmm.gov.my>

Dicetak Oleh  
Attin Press  
No. 46, Jalan 2/108,  
Taman Salak Jaya,  
Salak Selatan,  
57100 Kuala Lumpur.

## Berita JMM

**Diterbitkan empat bulan  
sekali. Buletin ini juga  
boleh dimuat turun dari  
laman web JMM.**



# PAMERAN RAJA KITA

## Menyingkap Warisan DiRaja Melayu

Oleh: **Nor Hasni binti Che Hassan**, Bahagian Penyelidikan (hasni@jmm.gov.my)



*Pemandangan ruang pameran Raja Kita*

Instiadat Melafaz Sumpah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah sebagai Yang di-Pertuan Agong XIV pada 13 Disember 2011, diadakan bagi menyambung tradisi Institusi Yang di-Pertuan Agong. Pelantikan Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj

Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah adalah menggantikan Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah yang tamat tempoh pemerintahan sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ke XIII pada 12 Disember 2011.

**Dalam pada itu, Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim berkata, pameran di Istana Negara lama yang bakal dijadikan Muzium Diraja akan dikekalkan bertujuan menarik pelancong dari dalam dan luar negara.**






Pemandangan hadapan Istana Negara lama



Kamera milik SPB YDA



Singgahsana di Balai Rong Seri, Istana Negara.

## PERASMIAN PAMERAN RAJA KITA OLEH YANG DIPERTUAN AGONG TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH

Istiadat Pertabalan ini merupakan satu acara kemuncak dan utama negara yang hanya diadakan setiap lima tahun. Ini bertepatan dengan kedudukan Seri Paduka Baginda sebagai Ketua Utama Negara seperti yang termaktub dalam Bab 1, Perkara 32 dan 33 Perlembagaan Persekutuan. Bersempena dengan itu, Jabatan Muzium Malaysia di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia telah mengambil inisiatif mengadakan Pameran Raja Kita bersempena pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV. Pameran Raja Kita ini memberi peluang kepada rakyat jelata untuk mendekati

serta menyusuri warisan budaya diRaja. Pameran ini diadakan 16 April dengan kerjasama Bahagian Pendaftaran, dan Istana Negara Lama. Perasmian pameran ini telah diadakan pada 15 April 2012 bersamaan 23 Jamadil Awal 1433H.

Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah yang diiringi Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah berkenan mencemar duli merasmikan Pameran Raja Kita. Dalam ucapan perasmian, baginda bertitah bahawa istana lama itu menyimpan banyak peristiwa. Antara tetamu kehormat yang hadir adalah Perdana Menteri, Datuk

Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim yang juga Pengerusi Jawatankuasa Khas Pertabalan dan isteri Datin Seri Masnah Rais. Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim dalam ucapan alu-aluannya berkata, pameran di Istana Negara lama yang bakal dijadikan Muzium Diraja akan dikekalkan bertujuan menarik pelancong dari dalam dan luar negara.





Antara objektif pameran ini diadakan adalah :

- Menjelaskan peranan dan kedudukan institusi Yang di-Pertuan Agong dan Konsep Raja Berpelembagaan adalah sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen yang diamalkan di negara ini.
- Mempenalkan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV dan Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong kepada rakyat jelata sempena pelantikan baginda pada 13 Disember 2011.
- Memperkukuhkan semangat cinta akan negara dan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada negara dan kerajaan Seri Paduka Baginda yang di-Pertuan Agong.



Yang DiPertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah semasa dibawa melawat pameran Raja Kita.

Menariknya di Pameran Raja Kita ini terdapat 141 koleksi alat kebesaran diRaja yang jarang sekali dipertontonkan kepada rakyat jelata. Koleksi-koleksi tersebut termasuk pakaian semasa istiadat pertabalan Diraja, Keris, Kalung diRaja, Singgahsana dan Pending diRaja. Selain daripada

itu terdapat juga pelbagai hadiah pemberian daripada rakyat, passport, kad pengenalan lama, pelbagai peralatan diraja milik Yang Dipertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong, koleksi jam tangan kesayangannya yang berjenama Patek Pilippe Gevena dan Piaget, kamera fotografi, pinggan khas sempena pemerintahan baginda, bekas watak dan darjah kebesaran Knight Grand Cross of the Order of the Bath (GCB), United Kingdom 1972. Sehingga 29 April lalu, jumlah pengunjung dianggarkan melebihi 60,000 orang.



SPB YDA sedang menandatangani buku pelawat



Persembahan tarian tradisional.



Dif-dif kehormat yang hadir.



# PERASMIAN MUZIUM TEKSTIL NEGARA

Oleh: **Nor Asmah binti Abu Samah**  
*Muzium Tekstil Negara (asmah@jmm.gov.my)*

**S**etelah hampir dua tahun beroperasi, akhirnya secara rasmi Muzium Tekstil Negara dirasmikan pada 17 April 2012, yang menjadi antara muzium ke-21 di bawah penyelenggaraan Jabatan Muzium Malaysia. Perasmian ini telah disempurnakan oleh isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Di dalam ucapan perasmianya, Datin Seri Rosmah Mansor

berkata ini adalah cabaran kepada pengendali muzium dalam usaha menggalakkan masyarakat, khususnya golongan muda mendekati muzium, di samping memenuhi cita rasa pengunjung yang pelbagai. Beliau mengesyorkan Muzium Tekstil Negara mewujudkan rangkaian kerjasama dengan Muzium Tekstil terkenal antarabangsa seperti Muzium Tekstil di Paris dan Muzium Tekstil di London sebagai usaha meningkatkan prestasi bidang

penyelidikan ilmiah dan pameran. Tambahan pula, langkah itu penting bagi memastikan peranan dan kedudukan Muzium Tekstil terus relevan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Hadir sama, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Dato' Seri Utama Dr Rais Yatim, Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, dan Kebudayaan, Datuk Seri Kamaruddin Siaraf dan Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, Dato' Ibrahim Ismail. Rosmah berkata, dalam usaha menggalakkan orang ramai melawat muzium, pengisian program menarik pada musim



*Datin Seri Rosmah Mansor memberi ucapan perasmian*





*Datin Seri Rosmah Mansor dibawa melawat ke galeri pameran.*

tertentu seperti cuti persekolahan serta menjadi pusat kajian dan mengadakan majlis intelektual seperti seminar atau forum supaya masyarakat dapat menjadikan muzium sebagai institusi penyebaran ilmu dan pendidikan yang boleh dikongsi bersama. Sementara itu, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Seri Utama Dr Rais Yatim berkata, industri

tekstil mampu menjana ekonomi apabila jualan kraf tekstil di negara ini mencecah sehingga RM305 juta tahun lalu berbanding RM270 juta pada tahun 2010. Sehubungan itu, satu unit rekreasi di bawah Jabatan Muzium Malaysia akan diwujudkan bagi menghasilkan semua ciptaan tekstil atau replika lama untuk dijual kepada peminat yang menghargai seni warisan ini.



*Datin Seri Rosmah Mansor memotong reben sebagai simbolik merasmikan galeri pameran.*

**Beliau mengesyorkan Muzium Tekstil Negara mewujudkan rangkaian kerjasama dengan Muzium Tekstil terkenal antarabangsa seperti Muzium Tekstil di Paris dan Muzium Tekstil di London sebagai usaha meningkatkan prestasi bidang penyelidikan ilmiah dan pameran.**



*Persembahan nyanyian dari Fauziah Gambus.*

Muzium Tekstil yang telah beroperasi sejak 9 Februari 2010 telah diilhamkan oleh Almarhum Datin Seri Endon Mahmud, isteri kepada bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi. Setakat ini, statistik pengunjung yang hadir melawat muzium ini telah mencecah hampir 80 000 orang.





# PROGRAM MERAKYATKAN SENI KPPK di Muzium Kota Kayang

Oleh: **Tengku Intan Rahimah binti Tengku Mat Saman**, MKK (intan@jmm.gov.my)

Pada 14 April 2012 (Sabtu), Muzium Kota Kayang bersama-sama dengan agensi di bawah KPPK negeri Perlis telah bekerjasama menjayakan Program Merakytakan Seni bertempat di Kolej Kejururawatan, Behor Pulau, Perlis. Program ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim bersama dengan YAB Dato' Seri Dr. Md.Isa bin Sabu, Menteri Besar Perlis. Pelbagai aktiviti yang dijalankan sepanjang program ini berlangsung seperti gotong-royong memasak kenduri rakyat, demonstrasi masakan Siam, permainan tradisional dan pameran daripada pelbagai agensi/jabatan.

Muzium Kota Kayang selain menjadi ahli jawatankuasa induk program, juga telah mengadakan

pameran kerjaya di samping demonstrasi kerja-kerja berkaitan konservasi artifak. Pameran ini telah berjaya membuka mata dan minda masyarakat bahawa institusi muzium bukanlah sebuah institusi statik yang menyediakan pameran berkaitan pensejarahan semata-mata tetapi muzium juga telah melebar sayap dalam bidang-bidang berkaitan sains, kejuruteraan dan alam semula jadi. Program yang berlangsung selama sehari itu telah berjaya menarik lebih ramai pengunjung ke Muzium Kota Kayang.



Pandangan dalam Galeri Diraja Muzium Kota Kayang





Buaya terkecil di dunia (*Osteolaemus tetraspis*)

# PAMERAN MISTERI SANG BUAYA

Oleh: **Norshidah binti Mohd Mastura**, Muzium Alam Semula Jadi (norshidah@jmm.gov.my)

Pada 26 November 2011 hingga 29 Februari 2012, Pameran Misteri Sang Buaya telah diadakan di Muzium Alam Semula Jadi Putrajaya. Objektif pameran ini adalah untuk memberikan maklumat kepada pelawat muzium tentang reptilia buaya yang telah wujud di muka bumi sejak zaman prasejarah lagi. Walaupun sering berlaku konflik antara manusia dengan haiwan ini namun disebaliknya terdapat pelbagai rahsia dan cerita yang menarik berkenaan sang buaya ini. Skop pameran ini merangkumi

sejarah awal kewujudan buaya, penemuan fosil buaya yang membuktikan kewujudannya pada zaman prasejarah, spesies-spesies buaya yang terdapat di Malaysia, kitaran hidup buaya, sifat semula jadinya, aspek perlindungan dan pemuliharaan, konflik di antara buaya dan manusia serta keunikannya yang mempengaruhi kehidupan manusia. Beberapa koleksi spesimen awetan seperti buaya "Bujang Samarahan", buaya terkecil di dunia (*Osteolaemus tetraspis*), buaya julong-julung (*Tomistoma schlegelii*), kisah

legenda buaya 'Bujang Senang' serta replika buaya tembaga (*Crocodylus porosus*) atau lebih dikenali dengan 'Buaya Puchong' yang panjangnya kira-kira 5.58 meter merupakan tarikan utama pengunjung ke pameran ini.

**Beberapa koleksi spesimen awetan seperti buaya terkecil di dunia (*Osteolaemus tetraspis*) merupakan tarikan utama pengunjung ke pameran ini.**



KP JMM menjawab soalan pihak media







# PAMERAN KEUNIKAN BONSAI 2012

## Muzium Alam Semula Jadi, Putrajaya.

Oleh: **Norshidah binti Mohd Mastura**, Muzium Alam Semula Jadi ([norshidah@jmm.gov.my](mailto:norshidah@jmm.gov.my))

**B**ertempat di Muzium Alam Semula Jadi, Putrajaya, Pameran Keunikan Bonsai 2012 telah diadakan bermula pada 15 Mac 2012 hingga 15 April 2012. Pameran kali ini diadakan khusus untuk mempamerkan lebih daripada 202 pokok-pokok bonsai yang unik dan berkualiti dari seluruh tanah air untuk tatapan para pelawat ke Muzium Alam Semula Jadi, Putrajaya. Objektif

pameran ini ialah bertujuan untuk mempamerkan keunikan dan kepelbagaian seni bonsai tempatan kepada masyarakat dan menggalakkan apresiasi masyarakat tentang alam semula jadi menerusi seni bonsai.

Pengunjung turut disajikan dengan pelbagai informasi berkaitan seni bonsai antaranya sejarah bonsai, perkembangan bonsai tempatan

dan antarabangsa, kaedah asas penjagaan bonsai, gaya dan bentuk bonsai, jenis-jenis pokok bonsai serta fakta-fakta menarik tentang bonsai. Daya tarikan utama dalam pameran ini adalah 4 jenis pokok bonsai yang termahal dan tertua di Malaysia. Bersempena dengan pameran ini, pengunjung turut berpeluang menyertai acara sampingan yang diadakan seperti pertandingan bonsai, klinik bonsai, serta jualan dan lelongan produk bonsai. Majlis penutup pameran ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail.



*Cabutan bertuah turut diadakan sempena Majlis Penutup Pameran Keunikan Bonsai 2012 di Muzium Alam Semula Jadi, Putrajaya.*







Penyampaian Cenderahati oleh TKP Encik Wan Jamaluddin Wan Yusoff kepada Encik Ipoi datan.



Keraian yang disambut oleh masyarakat Lun Bawang berkaitan tradisi Ulung Buayeh.



Salah satu penemuan efigi buaya

# FORUM KURATOR


Oleh: Syahrizul Amin bin Ahmad, Unit Latihan ([syahrizul@jmm.gov.my](mailto:syahrizul@jmm.gov.my))

Pada 26 April 2012, Jabatan Muzium Malaysia telah mengadakan Forum Kurator yang bertajuk "Tradisi Ulung Buayeh masyarakat Lun Bawang dan Mali Umai masyarakat Iban di Sarawak" yang disampaikan oleh Encik Ipoi Datan iaitu Pengarah Muzium Sarawak bertempat di Auditorium Jabatan Muzium Malaysia.

Forum ini membincangkan penemuan awalan yang diperolehi menerusi beberapa survei yang

telah dijalankan dari 2004 hingga kini. Pembentangan ini memfokus kepada tujuan membuat efigi buaya, sebab pengamalan tradisi diberhentikan dan kepentingan efigi dalam konteks sekarang.

Forum ini telah dihadiri oleh 186 peserta yang terdiri daripada peserta luar serta warga Jabatan Muzium Malaysia.



Jumpai efigi buaya oleh masyarakat Iban.





YBhg. Datin Rodziah binti Akasah, isteri TKSU dan YBhg Dato' Ibrahim bin Ismail sedang melihat aktiviti permainan dam ular bertemakan "Malaysia Tanah Airku" di ruang Penerokaan Muzium Negara.



YBhg Dato' Ibrahim bin Ismail merasmikan Ruang Penerokaan Muzium Negara.

# MAJLIS PELANCARAN

## Ruang Penerokaan (Discovery Room) Muzium Negara

Oleh: **Badrol Hisham bin Abd Rahman**, Muzium Negara ([badrolhisham@jmm.gov.my](mailto:badrolhisham@jmm.gov.my))

**M**emandangkan muzium dapat menawarkan persekitaran yang unik dalam mewujudkan peluang sebagai sumber inspirasi kepada pelajar, maka Muzium Negara telah mengambil satu langkah proaktif bagi mewujudkan satu bilik yang dinamakan Ruang Penerokaan. Ruang ini dilihat sebagai satu tempat yang penuh potensi untuk pembelajaran dan penting bagi meningkatkan serta menyokong proses pembelajaran. Program-program yang disediakan membolehkan para guru dan pelajar memperolehi pengalaman yang unik melalui interaksi dengan koleksi artifak. Situasi ini boleh mendorong pelajar berfikir secara lebih kreatif dan kritikal.

Ruang ini telah dilancarkan secara rasminya oleh YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia pada

13 Mac 2012 bertempat di Dewan Tengah, Muzium Negara. Penganjur acara, Pengarah Muzium Negara, Encik Kamarul Baharin A.Kasim turut menjemput, YBhg. Datin Rodziah binti Akasah, isteri Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia. Seramai 120 orang pelajar dari Sekolah Kebangsaan Taman Tuanku Jaafar, Seremban, Negeri Sembilan yang diketuai oleh guru besar iaitu Puan Hajah Fausiah binti Mohd Noor diberi penghormatan untuk hadir sama dalam majlis pelancaran ini.

Sempena majlis pelancaran, pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti ekskavasi mencari gali rangka tulang Manusia Perak, permainan dam ular bertemakan "Malaysia Tanah Airku", lakonan peristiwa sejarah era Kolonial 'Selusuri Masa', permainan puzzle



Pelajar mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti yang disediakan di ruang Penerokaan Muzium Negara.

bertemakan bangunan warisan dan diakhiri dengan demonstrasi ikatan tengkolok diraja.

- Dibuka kepada kumpulan tadika/sekolah/IPTA/IPTS/organisasi berdasarkan permohonan.
- Dibuka Isnin - Jumaat, jam 9.00 pagi hingga 5 petang.
- Hari Sabtu dan Ahad, dibuka kepada kanak-kanak berumur 5-12 tahun diiringi oleh ibu bapa/penjaga pada pukul 10.00 pagi hingga 12.30 tengah hari; 2.30 petang hingga 5.00 petang.
- Sila layari [www.muziumnegara.gov.my](http://www.muziumnegara.gov.my) atau berhubung dengan Unit Pendidikan dan Khidmat Seranta, Muzium Negara. Tel: 03-2267 1111 (317/317/383/155).





Pemandangan bangunan Muzium Lukut.



Ketua Pengarah JMM dan pegawai-pegawai kanan JMM sedang melihat koleksi artifak di galeri Muzium Lukut.

# LAWATAN KERJA

## Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia ke Muzium Lukut

Oleh: Rosiswandy bin Mohd Salleh, Muzium Lukut ([rosiswandy@jmm.gov.my](mailto:rosiswandy@jmm.gov.my))

Pada 9 Mac 2012 (Jumaat) yang lalu, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, Dato' Ibrahim bin Ismail telah mengadakan lawatan kerja sehari ke Jabatan Muzium Malaysia Wilayah Selatan dan telah singgah ke Muzium Lukut bersama dengan beberapa orang pegawai kanan antaranya Encik Mohamad Shawali bin Haji Badi (Pengarah Pengurusan, Pembangunan dan Sumber Maklumat), Encik Azmi

bin Ismail (KPP Perkhidmatan Muzium), Encik Sanim bin Ahmad (Pemangku Ketua Penolong Pengarah Pembangunan dan Pengurusan Harta), Encik Muhamad Yusoff bin Abdullah (Jurutera), dan Puan Zarinah binti Sarifan (Kurator).

Ketua Pengarah JMM dan rombongan tiba di Muzium Lukut pada jam 3.00 petang dan telah mengadakan satu sesi perjumpaan bersama-sama dengan staf Muzium Lukut antaranya Ketua Muzium Lukut, Encik Rosiswandy bin Mohd Salleh, Encik Kadir Bashah bin A.M Haja Mohaideen dan Encik Razali bin Hasan. Perjumpaan tersebut telah membincangkan beberapa perkara mengenai

penambahbaikan Muzium Lukut seperti cadangan membaik pulih lanskap, pentas terbuka serta pembinaan bumbung di sekitar kawasan tersebut. Isu lain yang turut disentuh ialah berkenaan cadangan penambahan ruang di bangunan setor Repositori Jabatan Muzium Malaysia di kawasan setor yang sedia ada.

Ketua Pengarah bersama pegawai-pegawai kanan telah membuat lawatan tapak di sekitar kawasan Muzium Lukut, galeri-galeri pameran, bangunan setor repositori, tempat penyimpanan artifak kapal karam Nassau, kuarters kakitangan dan surau. Program lawatan kerja sehari ini berakhir pada jam 5.30 petang.



Encik Rosiswandy bin Mohd Salleh, Ketua Muzium Lukut Memberi penerangan kepada ketua Pengarah JMM.



# ALBUM MUZIUM



Lawatan berpandu oleh Elisabeth Clouzeau, Sukarelawan Muzium Perancis kepada Admiral Edourd Guillaud, France Chief of Defence Staff bersama isterinya pada 9 Februari 2012.



Dif dan tetamu kenamaan yang turut hadir memeriahkan Majlis Perasmian Pameran Raja Kita di Istana Negara Lama pada 15 April 2012.



Encik Kamarul Baharin A. Kasim, Pengarah Muzium Negara memberi penerangan mengenai koleksi matawang timah kepada rombongan dari Saudi Commission for Tourism & Antiquities (SCTA) pada 10 Januari 2012 di Galeri Kerajaan-kerajaan Melayu.





- ➔ Encik Badrol Hisham Bin Abd Rahman, Penolong Kurator Kanan sedang memberi taklimat ringkas mengenai Muzium Negara sebelum membawa ahli rombongan dari muzium Bandung, Jawa Barat, Indonesia melawat ke galeri-galeri pada 15 Februari 2012.



- ↓  
Penyerahan buku "Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Payung Negara" kepada wakil pelajar orang asli

- ➔ Encik Kamarul Baharin A. Kasim, Pengarah Muzium Negara memberi penerangan kepada delegasi ASEAMUS dari Korea, iaitu Encik Choi Hoon Chay, Pengarah Bahagian Hubungan Antarabangsa & Perhubungan Awam, Muzium Nasional Korea pada 2 Februari 2012.



- ↓  
Kumpulan Gamelan Cendanasari Jabatan Muzium Malaysia sedang membuat persembahan di majlis perasmian Muzium Tekstil Negara.

- ↓  
Datin Seri Rosmah Mansor tertarik dengan pameran tekstil yang dipamerkan semasa melawat pameran selepas merasmikan Muzium Tekstil Negara pada 17 April 2012.

- ←  
Pelajar pelbagai bangsa sedang menunggu ketibaan Yang Dipertuan Agong.







# APA ADA DI MUZIUM KOTA KAYANG ?

Oleh: **Tengku Intan Rahimah binti Tengku Mat Saman, MKK** ([intan@jmm.gov.my](mailto:intan@jmm.gov.my))

**P**rogram “Apa Ada di Muzium Kota Kayang” dilaksanakan sempena Program Jom Konvoi Motosikal 2012 yang telah dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kangar pada 29 April 2012. Antara pengisian program adalah Ekspedisi Menjelajah Negeri Perlis yang disertai seramai 150 orang belia dari negeri Perlis, Perak dan Kedah. Muzium Kota Kayang merupakan antara lokasi pilihan untuk peserta mengadakan aktiviti “treasure hunt”.

Para peserta konvoi telah dibahagikan kepada lima kumpulan dan diberikan taklimat ringkas berkaitan Muzium Kota Kayang oleh kakitangan muzium. Peserta kemudiannya diberi masa untuk menjelajah seluruh muzium untuk mencari jawapan kepada soalan-soalan yang diberikan. Program ini berlangsung selama satu hari bermula pada jam 11.00 pagi dan berakhir pada jam 5.00 petang. Program seumpama ini telah dapat mempromosi Muzium Kota Kayang kepada orang awam khususnya masyarakat luar dari negeri Perlis.

**Aktiviti yang telah dirancang untuk pengisian program ini adalah ‘Apa ada di Muzium Kota Kayang’ di mana para peserta perlu mencari jawapan kepada soalan yang telah disediakan.**







# BENGKEL APLIKASI PREVENTIF DALAM PENJAGAAN KOLEKSI BUKU NADIR (RARE BOOKS) DAN MANUSKRIP PERINGKAT PERTENGAHAN

Oleh : Zul Afiq bin Baharudin, Unit Latihan ([zulafiq@jmm.gov.my](mailto:zulafiq@jmm.gov.my))

Pada 18 April hingga 20 April 2012, Jabatan Muzium Malaysia telah menganjurkan Bengkel Aplikasi Preventif Dalam Penjagaan Koleksi Buku Nadir (Rare Books) dan Manuskrip Peringkat Pertengahan di Muzium Matang, Perak. Secara amnya kursus ini mendidik para peserta tentang kepentingan kotak simpanan

bagi menempatkan pelbagai jenis koleksi muzium.


Objektif bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan asas kepada orang ramai khususnya warga muzium serta individu yang berminat, mengenai pentingnya aplikasi preventif terhadap pemeliharaan koleksi buku nadir dan manuskrip

lama. Selain daripada itu matlamatnya adalah untuk memberikan kesedaran akan kepentingan penjagaan dan teknik yang betul bagi melindungi koleksi tersebut daripada sebarang ancaman.

Kursus ini dikendalikan oleh Encik Zamrul Amri Zakaria dan Cik Hamidah Kusnan dari Pusat Konservasi JMM dan disertai seramai 30 orang peserta sokongan I (Gred S17 – Gred S32) yang terdiri daripada 20 peserta warga Jabatan Muzium Malaysia dan 10 peserta luar. Diharap kursus ini dapat meningkatkan lagi kesedaran tentang pentingnya penjagaan koleksi-koleksi muzium yang tidak ternilai untuk tatapan generasi akan datang.







## Kursus 'Rock Art Studies in Southeast Asia II: Field School On Site Interpretation, Conservation and Community Participation' di Lampang, Thailand

Oleh : **Mohamad Taufik bin Harun**, Muzium Negara ([mtaufik@jmm.gov.my](mailto:mtaufik@jmm.gov.my))

**K**ursus "Rock Art Studies in Southeast Asia II : Field School on Site Interpretation, Conservation and Community Participation" telah berlangsung di Bilik Persidangan, Regent Lodge, Wilayah Lampang, Thailand pada 11 – 20 Mei 2012. Kursus ini adalah anjuran SEAMEO Regional Centre For Archaeology and Fine Arts (SPAFA). Bagi tujuan itu Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah menghantar dua orang kakitangan bagi mengikuti kursus pada kali ini iaitu Zuriani Abd Ghani dari Muzium Labuan dan penulis sendiri dari Muzium Negara. Antara objektif kursus ini ialah :-

1. Melatih ahli arkeologi di Asia Tenggara mengenai metodologi yang digunakan dalam kerja ekskavasi di tapak arkeologi.
2. Mengemas kini pengetahuan peserta dan memperkenalkan teknologi yang digunakan dalam kerja ekskavasi.
3. Meningkatkan kesedaran tentang pemuliharaan tapak arkeologi di kalangan masyarakat setempat.
4. Meningkatkan pengetahuan mengenai kajian-kajian lukisan gua di Asia Tenggara.

Lampang adalah satu wilayah yang terletak di dalam daerah Mae Moh di utara Thailand. Perjalanan ke sana dengan menaiki keretapi dari Bangkok mengambil masa 13 jam. Tapak arkeologi di Doi Phakan telah ditemui dan dimaklumkan secara rasmi kepada pihak berkuasa oleh seorang Ketua Kampung di Ban Thasi yang bernama Chan Phiengsueb pada tahun 2008. Kajian berkenaan lukisan gua dan ekskavasi telah dimulakan pada tahun 2009 dengan seliaan Universiti Chiang Mai di bawah program kajian bertajuk Thai-French Paleosurvey. Pihak SPAFA memilih tapak ini bagi tujuan latihan amali dengan asas tapak ini masih agak baru dibuka dan ianya akan memberi peluang peserta-peserta untuk terlibat pada peringkat awal kajian dibuat. Kebanyakan

lukisan gua yang ditemui di sini adalah berimej binatang dan tapak-tapak tangan serta dilukis menggunakan bahan hematite. Kerja-kerja ekskavasi telah dijalankan beberapa kali sebelum ini bersama peserta-peserta dari Universiti Silpakorn dan Universiti Chiang Mai.

Perasmian kursus ini telah disempurnakan oleh Pengarah SEAMEO-SPAFA, Dr. MR Rujaya Abhakorn di Bilik Persidangan, Regent Lodge. Kursus ini telah dibahagikan kepada 3 segmen iaitu sesi ceramah oleh pakar-pakar terlibat dengan tapak arkeologi, latihan praktikal ekskavasi di tapak arkeologi sebenar dan sesi temuramah bersama penduduk-penduduk kampung yang berdekatan dengan tapak arkeologi yang dipilih bagi mendapatkan maklumat tambahan yang







**Tapak arkeologi di Doi Phakan telah ditemui dan dimaklumkan secara rasmi kepada pihak berkuasa oleh seorang Ketua Kampung di Ban Thasi yang bernama Chan Phiengsueb pada tahun 2008.**

Phasertake beberapa tempat bersejarah di Wilayah Lampang.

bersesuaian dengan kajian. Sesi ceramah telah dijalankan sejurus upacara perasmian tamat pada hari pertama kursus. Dr. Amara Srisuchat telah menyampaikan ceramahnya yang bertajuk 'Rock Art In Thailand', Putsadee Rodcharoen dengan ceramah bertajuk 'Phratu Pha Rock Painting' manakala Dr. Valery Zeitoun dan Dr. Prasit Auetrakulvit memberi penerangan berkenaan ekskavasi-eksavasi yang telah dijalankan sebelum ini di Phratu Pha, Ban Thasidan Doi Phakan. Dr. Krit Won-In, pensyarah geologi dari Universiti Kasetsart, Bangkok pula telah memberi penerangan di lapangan berkenaan kedudukan geologi di Tapak arkeologi Ban Thasidan Doi Phakan.

Latihan dan kajian amali di lapangan bermula pada sebelah petang hari pertama. Para peserta telah dibahagikan kepada 6 kumpulan dimana setiap kumpulan dianggotai oleh 3 orang peserta. Setiap kumpulan telah diperuntukkan satu petak arkeologi bersaiz 3 kaki X 3 kaki untuk membuat kerja-kerja / latihan ekskavasi. Selain kerja-kerja/latihan ekskavasi, setiap kumpulan juga telah diberi tugas untuk menjalankan temuramah bersama penduduk-penduduk di sebuah perkampungan berhampiran tapak arkeologi berkenaan. Tujuan utama temuramah ini dilakukan adalah bagi mendapatkan maklumat tambahan yang mungkin relevan dengan kajian yang dibuat. Selain itu ianya juga diatur bagi memberi

penerangan kepada penduduk-penduduk sekitar berkenaan aktiviti kajian yang dibuat dan membuka minda mereka perihal betapa pentingnya kajian dan pemuliharaan tapak arkeologi. Satu sesi penerangan khas juga telah diatur di Dewan Orang Ramai Kampong Ban Thasi. Secara tidak langsung penduduk-penduduk sekitar telah dilibatkan bagi tujuan kajian. Penduduk-penduduk telah memberi sokongan penuh kepada program kajian yang dilaksanakan. Malah program ini juga telah mendapat sokongan Pegawai Daerah Mae Moh yang telah turun padang pada hari kelima kursus.

Kajian/latihan lapangan tamat pada hari ketujuh kursus dan setiap kumpulan telah diminta menyiapkan laporan dan membentangkannya pada hari terakhir kursus. Semua peserta telah diberi kesempatan untuk melawat ke Tapak-tapak arkeologi di Ban Thasidan Phratu

Secara keseluruhannya, kursus ini telah berjalan dengan jayanya dan turut mencapai objektif-objektif yang digariskan oleh pihak penganjur. Kajian/latihan yang dibuat di tapak arkeologi Doi Phakan adalah di dalam peringkat awal maka kesimpulan lengkap berkenaan hasil kajian belum dapat dilaksanakan sepenuhnya. Namun demikian para peserta telah menerima ilmu yang sangat berguna berkenaan metodologi yang diguna pakai dalam kajian arkeologi daripada pakar-pakar yang terlibat dan ianya adalah salah satu kaedah bagi mempertingkatkan tahap profesionalisme dalam diri masing-masing. Sharing knowledge antara para peserta juga adalah satu nilai tambah bagi memantapkan diri dalam membuat keputusan dan dapat mewujudkan rantaian hubungan yang lebih erat antara para peserta dari kalangan negara ASEAN dan di dalam disiplin ilmu yang terlibat.







# BENGKEL AMALI

## HANDS-ON WORKSHOP:

**PENYEDIAAN, DOKUMENTASI DAN PENGENDALIAN SISTEM PENGURUSAN ARTIFAK & KOLEKSI MUZIUM SECARA 3D - DIGITAL DAN MAYA (VIRTUAL)**

Oleh : **Zul Afiq bin Baharudin**, Unit Latihan ([zulafiq@jmm.gov.my](mailto:zulafiq@jmm.gov.my))

Jabatan Muzium Malaysia telah menganjurkan Bengkel Amali (*Hands-On Workshop*): Penyediaan, Dokumentasi Dan Pengendalian Sistem Pengurusan Artifak & Koleksi Muzium Secara 3D- Digital dan Maya (*Virtual*). Kursus ini telah dijalankan selama 3 hari iaitu bermula 23 April 2012 hingga 25 April 2012. Secara amnya, kursus ini diadakan untuk melatih pegawai-pegawai JMM di dalam penyediaan, dokumentasi dan pengendalian sistem pengurusan artifak & koleksi muzium secara 3D- digital dan maya.

Objektif lain kursus adalah penggunaan dan pengendalian asas komputer, dokumentasi

secara 3D: isu-isu dan keperluan, aplikasi dokumentasi secara imbasan 3D yang selamat terhadap artifak-artifak yang rapuh (*Non - Destructive 3D scanning documentation technique and method*), pendaftaran artifak-artifak kepada pangkalan data yang virtual dan aplikasi replika artifak-artifak secara 3D (*3D rapid prototyping method*).

Seramai 46 orang peserta telah mengikuti kursus ini iaitu 30 orang peserta dari Jabatan Muzium Malaysia dan 16 orang peserta dari Muzium-muzium Negeri.



Mesin untuk menghasilkan replika.





# KURSUS MICROSOFT EXCEL 2012

Oleh : Zul Afiq bin Baharudin, Unit Latihan ([zulafiq@jmm.gov.my](mailto:zulafiq@jmm.gov.my))

**B**ertempat di Bilik Latihan Teknologi Maklumat Jabatan Muzium Malaysia, telah diadakan Kursus Microsoft Excell 2010. Kursus ini bermula dari 9 April hingga 10 April 2012.

Objektif kursus ini memberi kefahaman dan kemahiran penggunaan Microsoft Excel 2010 di samping memberi pendedahan kepada penggunaan komputer

bagi semua warga JMM. Terdapat 6 modul yang telah disediakan dan kesemua modul lengkap dari pengetahuan asas hingga ke maklumat terperinci mengenai Microsoft Excel 2010.

Kursus ini disertai seramai 20 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan Jabatan Muzium Malaysia kumpulan Sokongan 1 (Gred S17 – Gred S32).







# BIOGRAFI

## SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XIV ALMU'TASIMU BILLAHI MUHIBBUDDIN TUANKU ALHAJ ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH

(Petikan dari Buku Pameran Raja Kita 2012)

**S**eri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah diputerakan pada tanggal 28 November 1927. Seri Paduka Baginda mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Titi Gajah sebelum menyambung pelajaran baginda di Maktab Sultan Abdul Hamid, Alor Setar, Kedah Darul Aman.

Minat baginda yang mendalam terhadap bidang ilmu dan pendidikan telah mendorong baginda untuk berangkat ke United Kingdom bagi menyambung pelajaran di Wadham College, Oxford, London pada awal

tahun 1952 dalam jurusan Sains Kemasyarakatan dan Pentadbiran Awam. Sewaktu di United Kingdom, baginda telah dilantik sebagai Raja Muda Negeri Kedah pada 6 Ogos 1949.

Sekembalinya Seri Paduka Baginda Tuanku ke tanah air setelah menamatkan pengajian di luar negara pada tahun 1955, baginda telah berkhidmat di Pejabat Daerah Alor Setar dan kemudiannya di Perbendaharaan Negeri Kedah. Pada tanggal 9 Mac 1957, baginda telah dilantik menjadi Pemangku Sultan Kedah sewaktu Almarhum Duli Yang Maha Mulia Sultan Badlishah berangkat keluar negara pada 12 Mac hingga 3 Julai 1957.

Dengan izin Allah S.W.T. Seri Paduka Baginda telah naik takhta Kerajaan Negeri Kedah pada 14 Julai 1958 berikutan kemangkatan ayahanda baginda Almarhum Sultan Badlishah. Baginda Tuanku telah ditabalkan dengan rasminya sebagai Sultan Kedah Darul Aman pada 20 Februari 1959.

Kemudian pada 21 September 1965 baginda telah dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong yang keempat oleh Majlis Raja-Raja manakala pada tahun 1970, Majlis Raja-Raja telah melantik baginda sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia yang kelima antara tahun 1970 hingga tahun 1975. Istiadat mengangkat sumpah jawatan telah disempurnakan pada 21 September 1970. Seri Paduka



Baginda telah ditabalkan secara rasmi sebagai Yang di-Pertuan Agong yang kelima pada 20 Februari 1971 dengan penuh adat istiadat di ibu negara. Baginda telah menyandang jawatan tersebut hingga 21 September 1975.

Seri Paduka Baginda telah bertemu jodoh dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Almarhumah Tuanku Hajah Bahiyah binti Almarhum Tuanku Abdul Rahman pada 10 Mac 1956 di Istana Sri Menanti, Negeri Sembilan Darul Khusus. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Almarhumah adalah merupakan puteri sulung Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan ketika itu (kemudiannya Yang di-Pertuan Agong yang pertama Persekutuan Tanah Melayu). Seri Paduka Baginda Tuanku mempunyai tiga orang puteri iaitu:

- Yang Teramat Mulia Tunku Panglima Besar Dato' Seri DiRaja Tunku Puteri Intan Safinaz binti Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah (1966);
- Yang Teramat Mulia, Dato' Seri DiRaja Tunku Soraya binti Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, (1961); dan
- Yang Teramat Mulia Tunku Sarina binti Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, (1961) - mangkat pada 31 Ogos 1991

Baginda juga telah bertemu jodoh dengan Yang Mulia Che Puan Hajah Haminah binti Hamidun pada 25 Disember 1975. Baginda Tuanku Hajah Haminah dilahirkan di Bagan Serai, Perak Darul Ridzuan. Pada 26 Ogos 2003, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Almarhumah Tuanku Sultanah Hajah Bahiyah telah mangkat di Istana Kuala Chegar, Anak Bukit, Alor Setar, Kedah. Pada tanggal 9 Januari 2004, telah berlangsung Istiadat Pemasyhuran Yang Mulia Che Puan Hajah Haminah binti

Hamidun sebagai Sultanah Kedah yang baru dengan gelaran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultanah Hajah Haminah binti Hamidun.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah telah menyambut Perayaan Jubli Perak sempena ulangtahun pemerintahan baginda yang ke-25 pada tahun 1983. Manakala pada bulan Julai tahun 2008, Seri Paduka Baginda telah menyambut Perayaan Jubli Emas sempena Ulangtahun Pemerintahan Baginda Yang Ke-50.

Seri Paduka Baginda Tuanku telah dilantik sekali lagi sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong Malaysia XIII pada 13 Disember 2006. Manakala dengan izin Allah S.W.T, sejarah negara tercipta apabila Mesyuarat Majlis Raja-Raja kali ke-226 (khas) yang bersidang pada 14 Oktober 2011 telah memilih baginda sekali lagi sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV bagi menggantikan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIII Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah yang menamatkan tempoh pemerintahan pada 12 Disember 2011. Pada tanggal 13 Disember 2011, bersempena Mesyuarat Majlis Raja-Raja Kali ke-227 (khas) baginda dengan rasminya memegang amanah memerintah negara buat kali yang kedua sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV.

Dalam bidang ketenteraan, kepimpinan baginda senantiasa dikagumi. Seri Paduka Baginda telah dilantik menjadi Kolonel Yang Di-Pertua Kor Peninjau Malaysia pada 23 Mac 1966 sehinggalah

tarikh baginda dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong yang kelima pada 23 Julai 1970. Dengan pelantikan baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong, baginda juga merupakan Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia. Manakala selepas baginda menamatkan tempoh pemerintahan sebagai Yang di-Pertuan Agong kelima, baginda telah dilantik pula menjadi Kolonel Yang Di-Pertua Rejimen Askar Melayu DiRaja pada 23 September 1975. Kini dengan pelantikan baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong XIV, baginda juga sekali lagi merupakan Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia.

Baginda amat prihatin dalam hal-ehwal agama dan juga kepada rakyat jelata terutama yang menyentuh bidang kuasa baginda sendiri. Baginda juga merupakan seorang pemerintah yang mencintai alam semula jadi dan sentiasa memberi perhatian kepada pemuliharaan flora dan fauna. Baginda juga amat berminat memelihara haiwan seperti pelbagai jenis burung kegemaran dan juga binatang seperti kuda



dan rusa di Istana Anak Bukit. Selain sibuk dengan pentadbiran negara dan kerja-kerja amal, baginda bijak memperuntukkan sebahagian masa untuk beriadah, berekreasi dan bersukan. Baginda mempunyai minat terhadap sukan golf selain gemar membaca pelbagai buku ilmiah, melancong dan seni fotografi.





# BIOGRAFI

## SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG TUANKU HAJAH HAMINAH D.M.N, D.K.,D.K.H.

(Petikan dari Buku Pameran Raja Kita 2012)

**S**eri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah telah diputerikan pada 15 Julai 1953 bersamaan 3 Zulkaedah 1372H di Bagan Serai, Perak Darul Ridzuan. Baginda merupakan anak ke-4 daripada 7 orang adik beradik bagi pasangan Tuan Haji Hamidun bin Taib dan Puan Hajah Isma binti Mohamad. Baginda menerima pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Matang Jelutong, Bagan Serai, Perak dan Sekolah Menengah Inggeris Bagan Serai, Perak. Tuanku Hajah Haminah juga adalah merupakan Canselor Management and Science University, Shah Alam.

Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah telah bertemu jodoh dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah dan Baginda Berdua selamat diijabkabulkan pada 25 Disember 1975. Baginda telah dikurniakan gelaran Yang Mulia Che Puan dan seterusnya pada tanggal 9 Januari 2004, Baginda dimasyhurkan sebagai Sultanah Negeri Kedah Darul Aman dengan gelaran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah

Hajah Haminah binti Hamidun berikutan kemangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultanah Bahiyah pada 26 Ogos 2003. Sebagai Sultanah Negeri Kedah, Baginda tidak pernah melepaskan peluang mengiringi Baginda Tuanku Sultan ke Majlis-majlis Rasmi Kerajaan dan Baginda juga turut serta berangkat melawat daerah-daerah seluruh Negeri Kedah bagi meninjau kehidupan rakyat sekaliannya bersama-sama Baginda Tuanku Sultan.

Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah telah dianugerahkan Bintang Kebesaran Darjah Kerabat Yang Amat Mulia Negeri Kedah Darul Aman (D.K.) pada tahun 2004, Darjah Kerabat Halimi (D.K.H) sempena Perayaan Jubli Emas 50 Tahun Pemerintahan Sultan Kedah pada 15 Julai 2008, dan Darjah terkini yang telah diterima oleh Baginda ialah Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.) pada 26 Januari 2012.

Seri Paduka Baginda begitu menitikberatkan nilai-nilai agama dan kebajikan seiring dengan penyuburan nilai-nilai tradisi, adat dan budaya Melayu. Sehubungan itu, Baginda telah berangkat menunaikan Fardu Haji pada tahun 1983 di samping

mengerjakan ibadah umrah yang menjadi sebahagian daripada amalan Baginda sekiranya mempunyai kelapangan. Begitu juga sepanjang bulan Ramadhan, Baginda akan sentiasa meluangkan masa Baginda bagi menunaikan solat Tarawih bersama-sama rakyat di Masjid-masjid sekitar Alor Setar, Kedah terutamanya di Masjid Sultanah Bahiyah dan Masjid Zahir. Keperibadian diri sebagai wanita Melayu yang mengutamakan sopan santun dan kelembutan adat budaya Melayu sentiasa diutamakan. Baginda sentiasa tertib dalam menjaga keterampilan sesuai dengan kedudukan Baginda sebagai Raja Permaisuri Agong. Begitu juga dalam konteks etika sosial, kuntuman senyum sudah menjadi satu simbol yang sering dikaitkan dengan diri Baginda Tuanku semasa tampil bersemuka dengan golongan rakyat. Sayugia diingat, Baginda sangat prihatin dalam mengambil kira permasalahan hidup rakyat terutama isu yang bersangkutan dengan kanak-kanak, hal-ehwal wanita dan juga warga emas. Manifestasi daripada nilai kelembutan seorang wanita yang penyayang, Seri Paduka Baginda sentiasa peka dengan perkembangan semasa berkaitan dengan lingkungan kehidupan kanak-kanak sebagai legasi negara pada masa depan. Malah, Baginda

TuanKu begitu menyenangi dan menyayangi kanak-kanak. Baginda turut mengambil maklum akan golongan kanak-kanak yang memerlukan bantuan. Justeru, atas inisiatif Baginda sendiri, Yayasan Anak-anak Yatim Sultanah Hajah Haminah iaitu sebuah yayasan berasaskan kebajikan yang bermatlamat untuk membela nasib kanak-kanak kurang bernasib baik terutamanya anak-anak yatim telah ditubuhkan. Semangat Baginda bagi membela nasib kanak-kanak ini diperlihatkan sendiri dengan keterlibatan Baginda sebagai penggerak sesuatu aktiviti yayasan sebagai contoh, sekalipun sibuk dengan tugas-tugas rasmi, Baginda akan sentiasa berangkat bagi mengurniakan sendiri bantuan kepada anak-anak yatim yang akan memulakan persekolahan dan juga sumbangan sempena sambutan Aidilfitri menerusi yayasan Baginda.

Begitu juga, Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah tidak pernah membatasi pergerakan Baginda dalam menjalin hubungan dengan rakyat menerusi aktiviti-aktiviti amal dalam konteks kemasyarakatan dan kemanusiaan. Dorongan dan galakan Baginda diperlihatkan dengan keterlibatan Baginda sendiri sebagai penggerak sesuatu aktiviti, persatuan atau pertubuhan di Negeri Kedah. Baginda adalah

merupakan Penaung Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Negeri Kedah, Persatuan Pandu Puteri Negeri Kedah, Persatuan Ibu Tunggal Negeri Kedah serta Woman Institution. Di peringkat persekutuan, Baginda merupakan Penaung Diraja Persatuan Pandu Puteri Malaysia dan Lembaga Kebajikan Perempuan Perempuan Kebangsaan.

Walaupun rutin harian Baginda dipenuhi dengan tugas-tugas rasmi dan sosial, Baginda tidak pernah mengabaikan aspek penampilan dan kesihatan diri. Baginda akan cuba membahagikan masa Baginda bagi aktiviti-aktiviti peribadi yang bercorak riadah dan sukan. Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah menaruh minat yang mendalam terhadap sukan golf. Baginda sememangnya terkenal dengan kehandalan Baginda tatkala menyertai pelbagai kejohanan golf wanita. Pelbagai kejohanan golf wanita telah disertai oleh Baginda termasuklah Penang Open dan Perak Open. Kejohanan yang meninggalkan kenangan manis buat diri Baginda adalah Pertandingan Golf Piala Bapa Malaysia pada tahun 1987 yang mana Baginda merupakan Johan Pertandingan dan hadiah kejohanan telah disampaikan sendiri oleh Bapa Malaysia Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Atas kesungguhan serta minat me n d a l a m Baginda dalam sukan ini, Baginda telah menjadi p e n d o r o n g kepada pelbagai pertandingan golf wanita di Negeri Kedah. Selain daripada golf, Baginda juga turut meminati



permainan skuasy, tenis dan badminton.

Dalam melayari rutin seharian di istana Baginda, menepati naluri seorang wanita, Baginda amat menitikberatkan ruang yang kemas dengan persekitaran teratur, sempurna dan bersih. Dengan minat dan kemahiran yang dimilikinya, Baginda melakukan sendiri kerja-kerja hiasan dalaman di dalam kediaman Baginda sebagai rutin harian mengisi masa lapang Baginda sekiranya tidak terikat dengan aktiviti rasmi dan sosial. Malah, Baginda amat berpuas hati sekiranya dapat melihat kediaman hasil sentuhan peribadi Baginda berdekori mengikut cita rasa yang dikehendaki. Selain kecenderungan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong terhadap kerja-kerja mereka bentuk hiasan dalaman, baginda turut meluangkan masa untuk memasak santapan keluarga tercinta, terutama dalam menyediakan hidangan kegemaran Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada bulan Ramadhan. Bukan itu sahaja, Baginda sering melapangkan masa Baginda setiap hari untuk memenuhi hobi Baginda iaitu membaca pelbagai buku ilmiah dan berbentuk keagamaan serta mendengar alunan pelbagai genre muzik selain daripada melancong dan bermain golf.





**Seluruh warga Jabatan Muzium Malaysia merakamkan ucapan takziah atas kembalinya ke Rahmatullah, Al-Fatihah.**



**DATO' DR ADI TAHA**



**T**anggal 2 Februari 2012 bersamaan 10 Rabiul Awal 1433 H hijrah dunia permuziuman telah kehilangan seorang tokoh yang banyak berjasa kepada perkembangan Muzium Negara. Dato' Dr. Adi bin Hj. Taha bekas Ketua Pengarah Jabatan Muzium dan Antikuiti (2002 - 2007) telah menghembuskan nafas terakhir dan pergi buat selamanya. Pemergiannya begitu dirasakan terutama kepada kaum keluarganya yang terdekat. Allahyarham pergi dengan meninggalkan seorang isteri dan enam orang anak.

Semasa hayatnya Allahyarham amat disenangi di kalangan teman-teman dan juga penggiat-penggiat muzium dalam dan luar negara. Allahyarham dilahirkan dan dibesarkan di sebuah kampung di Kodiang Kedah pada 3hb Ogos 1951. Mendapat pendidikan awal di kampung asal dan kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Universiti Kebangsaan Malaysia sehingga berjaya memperolehi segulung ijazah. Kesungguhan Allahyarham untuk berjaya dalam bidang akademik

diteruskan semasa beliau berkhidmat sehingga berjaya memperolehi ijazah doktor falsafah pada tahun 2000 dari Universiti Nasional Australia.

Allahyarham telah memulakan kerjayanya di muzium pada tahun 1975 apabila dilantik sebagai kurator arkeologi. Bermula saat itu kesungguhannya untuk mendalami bidang arkeologi begitu kuat. Allahyarham telah menjalankan banyak kajian serta berjaya menghasilkan banyak penulisan dari hasil kajian tersebut. Hasil penulisannya sering menjadi sumber rujukan kepada para penyelidik dari dalam dan luar negara. Melalui arkeologi juga Allahyarham telah berjaya mengangkat nama muzium Malaysia terkenal di luar negara. Kepakarannya

dalam bidang arkeologi telah menjadikan Allahyarham sebagai salah seorang pelopor dan amat dihormati di kalangan pakar-pakar arkeologi dunia.

Muzium telah kehilangan seorang yang banyak berjasa kepada perkembangannya. Semasa menjawat jawatan Ketua Pengarah, Allahyarham telah banyak membuat perubahan samada dari segi fizikal mahupun pada bidang kerjaya di muzium. Kesungguhan dan kecemerlangan Allahyarham untuk membangunkan dunia permuziuman telah diiktiraf sehingga mendapat pelbagai anugerah dengan gelaran Dato'. Sesungguhnya jasa dan pemergian Allahyarham akan terus dikenang. Alfatihah....





# PENGURUSAN HERBARIUM

## PAKU-PAKIS

Oleh : Syahrizul Amin bin Ahmad, Unit Latihan ([syahrizul@jmm.gov.my](mailto:syahrizul@jmm.gov.my))

**K**ursus Asas Pengurusan Herbarium (spesimen paku-pakis) telah berlangsung pada 26-28 Mac 2012 di Shahzan Inn, Bukit Fraser, Pahang. Kursus ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada para peserta tentang teknik-teknik asas dalam pengurusan spesimen herbarium terutamanya spesies paku-pakis meliputi kaedah pengutipan spesimen di lapangan, merekod spesimen, mengawet spesimen, menjahit dan mengkurasi spesimen sama ada untuk simpanan kekal herbarium mahupun sebagai pameran, pendidikan serta rujukan saintifik. Selain itu para peserta turut diperkenalkan dengan sistem pangkalan data

BRAHMS (*Botanical Research and Herbarium Management System*) yang merupakan perisian pengurusan pangkalan data koleksi spesimen botani bagi kegunaan para penyelidik dan ahli botani di herbarium tempatan dan antarabangsa sejak tahun 1999. Sistem pangkalan data ini mampu mengintegrasikan imejan spesimen, data botani, data lapangan, koleksi dan juga maklumat spesimen yang boleh mengoptimalkan perluasan skop output dalam kerja-kerja kurasi dan penyelidikan berkaitan botani. Seramai 30 orang kakitangan Jabatan Muzium Malaysia dan Muzium Negeri yang lain telah turut serta di dalam kursus ini.







# JEJAK KURATOR PESTA KAUL DI MUKAH

Oleh: **Rohana Husin**, Kurator Muzium Negara ([rohana@jmm.gov.my](mailto:rohana@jmm.gov.my))

**K**aul atau lebih dikenali sebagai pesta puja pantai diraikan oleh kaum Melanau pada setiap tahun. Pesta ini amat bermakna bagi kaum Melanau terutama yang tinggal di kawasan persisiran pantai. Kaul diadakan di kawasan pantai dan muara sungai utama yang berdekatan dengan kawasan tempat mereka tinggal. Pada masa dahulu Kaul merupakan satu majlis keagamaan untuk menenangkan roh-roh laut, hutan dan ladang dalam tahun kaum Melanau Likow (kepercayaan animisme). Dalam kalender kaum Melanau Likow di Mukah, Kaul disambut pada setiap bulan Pengejin (bulan April) yang menurut kepercayaan mereka pada bulan tersebut adalah bulan pembawa rahmat. Mereka juga percaya bahawa 'Ipok' laut mempunyai pengaruh yang kuat. Oleh itu, tujuan utama diadakan upacara Kaul ini adalah untuk menjamu 'Ipok' ataupun roh yang menjaga dan mengawal

segala unsur alam. Selain itu, upacara ini juga memohon rahmat daripada Tuhan agar dimurahkan rezeki pada tahun tersebut dan mengelakkan daripada segala malapetaka supaya semua penduduk sentiasa diberi kesihatan yang baik serta memperolehi hasil ladang dan laut yang banyak.

Sebelum ini upacara tersebut tidak dilakukan secara serentak dan disambut secara kecil-kecilan mengikut daerah masing-masing. Bermula pada tahun 2011, upacara ini telah dijadikan

sebagai acara rasmi tahunan dan disambut secara besar-besaran di Mukah serta dimeriahkan lagi dengan pelbagai acara sukan dan permainan tradisional yang menarik sebagai satu tarikan kepada pengunjung yang datang menyaksikan keistimewaan adat resam budaya Melanau khususnya dan masyarakat Sarawak amnya. Pada tahun ini Pesta Kaul Mukah telah diadakan selama 2 minggu iaitu bermula pada 19 sehingga 29 April 2012 di Tapak Kaul Mukah.



# TAHUKAH ANDA?



**Nama Koleksi :** Kookaburra / Laughing Kookaburra

**Nama Saintifik :** *Dacelo novaeguineae*

**Tinggi / Berat :** 45 cm / 480 gram.

**Kaedah Perolehan:** Dihadiahkan oleh Muzium Australia kepada Jabatan Muzium Malaysia.

Kookaburra merupakan spesies burung raja udang yang terbesar di dunia dan hanya mendiami kawasan-kawasan tertentu di Australia. Haiwan ini terkenal kerana menandakan wilayahnya dengan menghasilkan bunyi panggilan yang kuat seperti ketawa, pada waktu awal pagi dan senja.

**Nama Spesimen:** Amber

**No. Rujukan:** A057

**Tarikh Perolehan:** 21/04/2005

**Kaedah Perolehan:** Kerja Lapangan


**Koleksi:** Unit Geologi, Muzium Alam Semula Jadi, Putrajaya.

Dijumpai di lombong arang batu Beradai, daerah kecil Merit-Pila, Kapit, Sarawak. Ia berusia tertier, iaitu sekitar 15-17 juta tahun. Amber ini dijumpai tertanam bersama lipit arang batu (coal seam), berwarna coklat kemerahan dan keadaannya agak keras. Walau bagaimanapun ia agak sukar digilap, tidak seperti amber yang lain.





# TERBITAN TERBARU



**Judul** : Konservasi Artifak Meriam Sejarah - Kaedah Saintifik  
**ISBN** : 978-967-9935-88-2  
**Ketebalan** : 134 Muka Surat  
**Harga** : RM70.00  
**Terbitan** : Jabatan Muzium Malaysia / 2010

Penerbitan buku Konservasi Artifak Meriam merupakan usaha sama Jabatan Muzium Malaysia dengan Agensi Nuklear Malaysia bagi menyebarkan pengetahuan berkaitan asas konservasi artifak. Penulisan buku Konservasi Artifak Meriam Sejarah-Kaedah Saintifik adalah bertepatan dengan kehendak dan keperluan semasa yang memerlukan garis panduan dalam melaksanakan kerja-kerja konservasi artifak. Konservasi artifak meriam bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan. Kebanyakan meriam yang berada di persekitaran luar seperti di kota-kota pertahanan bersejarah dikenal pasti telah mengalami proses kakisan yang memerlukan perhatian segera. Proses konservasi yang berpandukan prosedur yang betul akan dapat menjamin artifak ini selamat dan berkekalan untuk tempoh yang lebih lama. Buku ini sesuai untuk para penyelidik yang ingin mengetahui cara-cara untuk memulihara meriam-meriam sejarah yang terdapat di negara kita. Buku ini diterbitkan dalam Bahasa Melayu sahaja.

**Judul** : Panduan Galeri Muzium Negara  
**ISBN** : 978-967-9935-96-7, 978-967-9935-95-0, 978-967-9935-97-4, 978-967-9935-98-1  
**Ketebalan** : 40 mukasurat setiap satu seunit  
**Harga** : RM27.00 (1 Set berkotak 4 unit), seunit RM6.00  
**Terbitan** : Jabatan Muzium Malaysia / 2011

Buku 'Panduan Galeri Muzium Negara' memberikan panduan kepada pelawat tentang galeri-galeri yang terdapat di Muzium Negara. Galeri A menjelaskan evolusi pembentukan muka bumi dan segala maklumat serta bukti-bukti tinggalan kebudayaan (*material culture*) masyarakat awal di Malaysia. Galeri B mempamerkan bukti-bukti sejarah mengenai kemunculan kerajaan-kerajaan Melayu di seluruh Nusantara khususnya di Tanah Melayu dan Borneo. Kemuncak kegemilangannya berlaku selepas munculnya kerajaan Melayu Melaka. Galeri C menjelaskan penjajahan kuasa asing pada waktu itu yang bermula dengan Portugis, Belanda, British dan berakhir dengan Jepun. Ini adalah kerana bumi Tanah Melayu kaya dengan hasil bumi dan rempah. Galeri D menerangkan detik paling bersejarah bagi warga Tanah Melayu setelah sekian lama berjuang untuk mendapatkan kebebasan. Jangka masa tersebut telah berlaku beberapa peristiwa penting dalam sejarah negara sehinggalah mencapai detik kemerdekaan pada tanggal 31 Ogos 1957. Secara keseluruhannya, buku ini memberi panduan kepada kita untuk 'menjelajah' galeri-galeri yang terdapat di Muzium Negara. Buku ini diterbitkan dalam 1 set (4 unit) mengandungi 2 bahasa iaitu dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.





# KENALI MUZIUM KOTA KAYANG PERLIS

Oleh: **Norhaliza binti Harun**, Bahagian Inovasi Muzium ([norhaliza@jmm.gov.my](mailto:norhaliza@jmm.gov.my))

Selain daripada menjadi pusat penyebaran maklumat yang mempamer dan memelihara khazanah warisan nasional khususnya sejarah negeri Perlis, Muzium Kota Kayang juga merupakan sebuah tempat yang terkenal dengan keindahan alam semulajadinya yang sering menjadi tarikan pelawat.

Muzium Kota Kayang telah dibuka kepada pengunjung pada September 2001. Keunikan Muzium Kota Kayang ini terletak pada tapaknya yang dahulu merupakan bekas tapak kota istana tempat bersemayam keluarga diraja Kedah-Perlis. Fakta ini disokong dengan bukti-bukti peninggalan sejarah di sekitar kawasannya seperti Makam Sultan Dhiauddin Al-Mukarram Shah Ibni Al-Marhum Sultan Muhyiddin Mansur Shah dan dua makam lain. Baginda telah membina kota dan istana di selatan tebing Sungai Perlis yang dikenali sebagai 'Kota Indera Kayangan'. Nama 'Kayang'

tersebut merujuk kepada kota yang dibina baginda indah bagaikan 'Kayangan'.

Suatu yang menarik tentang Muzium Kota Kayang ialah bangunannya yang dibina berasaskan seni bina rumah tradisional Melayu berkonsepkan rumah bumbung panjang Perlis. Muzium Kota Kayang mempamerkan sebanyak 300 koleksi mengikut kategori pengelasan di 6 buah galeri yang terdiri daripada Galeri Sejarah, Galeri Arkeologi, Galeri Senjata, Galeri Diraja, Galeri Kebudayaan dan Galeri Menteri Besar. Antara koleksi yang dipamerkan adalah artifak hasil dari jumpaan arkeologi yang merangkumi porselin dan juga artifak pra-sejarah. Selain itu turut dipamerkan adalah pelbagai jenis senjata, koleksi peribadi diraja dan Menteri Besar serta surat-surat perjanjian berkaitan dengan pensejarahan negeri Perlis.

**Nama 'Kayang' tersebut merujuk kepada kota yang dibina baginda indah bagaikan 'Kayangan'.**

Watahik Penghargaan daripada Raja Chulalongkorn kepada Pemerintah Perlis iaitu Raja Syed Hussien, artifak acuan Pitis Perlis dan artifak tembikar tanah Neolitik yang digunakan semasa upacara kematian pada zaman Neolitik merupakan antara koleksi unik yang mampu menjadi daya tarikan pelawat untuk mengunjungi Muzium Kota Kayang.

Muzium Kota Kayang diketuai oleh Y.M Puan Tengku Intan Rahimah Tengku Mat Saman yang berjawatan kurator. Muzium ini dibuka setiap hari mulai jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang kecuali pada hari pertama Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidil Adha dan masuk adalah percuma.





# Muzium-Muzium di Bawah JABATAN MUZIUM MALAYSIA

[www.jmm.gov.my](http://www.jmm.gov.my)



MUZIUM NEGARA,  
KUALA LUMPUR



MUZIUM ADAT,  
JELEBU, NEGERI SEMBILAN



MUZIUM ARKEOLOGI LENGGONG,  
PERAK



MUZIUM PERAK,  
TAIPING, PERAK



GALERIA PERDANA,  
LANGKAWI



MUZIUM MATANG,  
PERAK



MUZIUM ARKEOLOGI  
LEMBAH BUJANG, KEDAH



MUZIUM SUNCAI LEMBING,  
PAHANG



MUZIUM CHIMNEY,  
LABUAN



MUZIUM SENI KRAF ORANG ASLI,  
KUALA LUMPUR



MUZIUM SENI BINA MALAYSIA,  
BANDAR HILIR, MELAKA



MUZIUM KOTA KUALA KEDAH,  
KEDAH



MUZIUM KOTA KAYANG,  
PERLIS



MUZIUM AUTOMOBIL NASIONAL,  
SEPANG



MUZIUM KOTA JOHOR LAMA,  
JOHOR



MUZIUM LABUAN,  
LABUAN



MUZIUM ETNOLOGI DUNIA MELAYU,  
KUALA LUMPUR



MUZIUM TEKSTIL NEGARA,  
KUALA LUMPUR



MUZIUM MARIN LABUAN,  
LABUAN



MUZIUM LUKUT,  
NEGERI SEMBILAN



MUZIUM ALAM SEMULA JADI,  
PUTRAJAYA

KUNJUNGILAH  
MUZIUM

JABATAN MUZIUM MALAYSIA, KEMENTERIAN PENERANGAN KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA.  
JALAN DAMANSARA, 50566 KUALA LUMPUR. TEL: +603-2267 1000/+603-2282 6255 FAX: +603-2282 9103